



26 SEP, 2023

## Johor 'lubuk rezeki' kontraktor tempatan

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

# Johor 'lubuk rezeki' kontraktor tempatan

**Projek-projek** pembinaan di Johor akan terus memberi manfaat kepada kontraktor sepanjang beberapa tahun akan datang, demikian menurut penganalisis.

Penganalisis RHB Research, Adam Mohamed Rahim, berkata keyakinan itu bersandarkan kepada lawatan ke negeri itu bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai pembangunan terbaru oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna Johor, Lee Ting Han.

"Kami berpeluang untuk melihat perkembangan projek Landaan Sistem Transit Laju (RTS) Johor Bahru-Singapura. Bahagi-

an projek RTS di Malaysia sudah siap 41 peratus setakat Julai dan dijangka siap sebelum akhir 2026.

"Sunway Construction ialah kontraktor untuk jejambat darat. Pada Mac lalu, syarikat itu dianugerahkan kontrak bernilai RM604.9 juta oleh Mass Rapid Transit System yang meliputi Pakej 1B (kerja-kerja pembinaan awal untuk stesen dan jejambat) dan Pakej 5 (jejambat tanah dan struktur sampingan).

"Sementara itu, jejambat marin sedang dibina oleh kontraktor yang berpengalaman di China dan jejambat ini juga memperlihatkan perkembangan yang baik," katanya da-

lam satu nota penyelidikan.

Adam berkata, pakej untuk membina stesen RTS Bukit Chagar dan juga Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (ICQC) masih belum dianugerahkan, selepas tender dipanggil antara Mei dan Ogos lalu.

"Sunway Construction telah menghantar tender bagi Pakej 2A dan 2B untuk ICQC, yang kami anggarkan bernilai RM400 juta hingga RM700 juta.

"Kami melihat syarikat itu sebagai pilihan utama untuk pakej-pakej berkenaan, kerana ia telah pun terbabit dalam kerja pembinaan cerucuk untuk ICQC, manakala Gadang Holdings meraih kerja untuk pakej 4 dan 6 (stesen Bukit Chagar dan pusat kawalan operasi)," katanya.

Sementara itu, Adam berkata semasa pertemuan dengan Ting Han, didapati pusat data yang terletak di Johor mungkin terus mendapat momentum dalam dua tahun akan datang.

Beliau berkata, Fasa 1 Taman Teknologi Sedenak telah meraih pelabur pusat data berskala besar seperti Yondr, Keppel Data Centres dan Bridge Data Centres.

"Kemasukan pelabur pusat data akan menjadi lebih mudah melalui Laluan Lorong Hijau Tenaga Nasional Bhd (TNB) yang menawarkan bekalan elektrik berkelajuan tinggi, dengan pusat data disambung tiga kali ganda lebih laju berbanding masa bekalan bia-

sa, lantas memendekkan tempoh pelaksanaan daripada 36 hingga 48 bulan kepada hanya 12 bulan.

"Pertumbuhan pusat data mungkin memberi manfaat kepada kontraktor yang terdedah kepada projek pusat data seperti Sunway Construction dan Gamuda," katanya.

### Faktor kebolehliahatan

RHB Research mengekalkan saranan 'wajaran tinggi' terhadap saham syarikat dalam sektor pembinaan dengan pilihan utama ialah Gamuda, Kerjaya Prospek dan Sunway Construction.

"Kami memilih syarikat-syarikat ini disebabkan oleh faktor kebolehliahatan perolehan mereka yang mantap selama tiga hingga enam tahun.

"Gamuda mempunyai capaian operasi yang besar di luar negara, manakala perjanjian rangka kerja Kerjaya Prospek dengan Samsung C&T akan memberikannya pendedahan kepada lebih banyak kerja swasta yang rumit.

"Kami juga menggemari Sunway Construction, bukan hanya kerana faktor aliran kerja yang stabil daripada syarikat induknya tetapi juga atas rekod prestasinya di Johor, lebih-lebih lagi di kawasan Iskandar, yang mungkin mengalami pertumbuhan lanjut pada masa akan datang dengan potensi zon kewangan khas Johor-Singapura menjadi pemangkin," katanya.

